

29 SEP 2000

MAHATHIR-PETROL/I

KENAIKAN HARGA PETROL AKAN DIUMUMKAN SEBAIK SAHAJA KAJIAN KE ATASNYA SELESAI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pengumuman mengenai kenaikan harga-harga petroleum akan dibuat sebaik sahaja kajian mengenai kenaikan itu selesai.

Beliau berkata kenaikan harga petrol tidak boleh dielakkan lagi kerana kerajaan tidak lagi mampu menampung subsidi ke atas petrol kerana peningkatan harga-harga minyak mentah di pasaran antarabangsa.

Minggu lepas, harga-harga minyak mentah mencecah paras puncak dalam 10 tahun pada AS\$38 setong.

Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk membayar subsidi bagi produk petroleum untuk membolehkan rakyat Malaysia menikmati harga-harga murah berbanding dengan yang lain, kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Wacana Pemikir Belia Islam Kebangsaan di sini hari ini.

"Kita tidak lagi mampu memberi subsidi kerana ia melibatkan kira-kira RM5 bilion setahun dan ia merupakan satu jumlah yang besar," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata harga-harga petrol di Malaysia adalah yang termurah jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang juga mengeluarkan minyak.

Semalam, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) menerusi laporan yang boleh didapati dari laman webnya berkata, kerajaan akan kehilangan pendapatan dalam bentuk cukai ke atas produk petroleum berjumlah RM4.598 bilion sekiranya harga petroleum dikekalkan pada paras semasa.

Ekoran peningkatan harga-harga minyak dunia, kerajaan telah membayar subsidi bagi produk petroleum sejak 1996.

Pada masa yang sama, kehilangan cukai pendapatan kerana peningkatan kos produk telah meningkat daripada RM1.164 bilion pada 1996 kepada RM1.727 bilion (1997), RM2.121 bilion (1998), RM2.676 bilion (1999), dan dijangkakan RM4.598 bilion (2000).

Laporan-laporan akhbar hari ini mengatakan yang harga-harga minyak dijangka meningkat antara 10 sen dan 20 sen seliter. -- BERNAMA

MOT MR SD AA